

15 OCT 2003

MAHATHIR-DINAR/I

CUBA GUNA DINAR EMAS, KATA DR M

PUTRAJAYA, 15 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyeru Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) supaya cuba menggunakan dinar emas sebagai perantaraan pembayaran perdagangan, bagi menggantikan dolar AS.

"Itu suatu gagasan, sama ada ia baik atau tidak bergantung kepada banyak faktor. Tetapi, kita perlu melakukannya sekarang. Kita cuba dan kenal pasti satu atau dua negara yang sanggup menggunakan dinar emas," katanya semasa sesi dialog selepas menyampaikan ucaptamanya pada Forum Perniagaan OIC di sini, hari ini.

Katanya, berbeza dengan matawang, emas mempunyai nilai tersendiri dan ia tidak boleh turun atau naik nilai terlalu banyak.

"Nilai emas adalah sesuatu yang pasaran sanggup beli. Kita akan hanya menggunakannya untuk perdagangan, bukan untuk kegunaan dalam negara," katanya.

Forum dua hari itu diadakan sempena Sidang Kemuncak OIC Ke-10 yang akan bermula di Pusat Konvensyen Putrajaya esok.

Dr Mahathir berkata, OIC tidak boleh menunggu kesemua 57 negara anggotanya bersatu sebelum melaksanakan sebarang inisiatif bagi kebaikan bersama.

"Kita tidak boleh tunggu. Walau hanya ada dua negara, kita sudah boleh bekerjasama. Jika ada 10, itu sudah merupakan bilangan yang besar.

"Kita tidak perlu bimbang kita tidak dapat menarik semua negara untuk bekerjasama. Itu tidak mengapa, asalkan dua negara boleh bekerjasama. Lama kelamaan ini boleh berkembang," tegas Dr. Mahathir.

Katanya, malah penganut agama kristian dan Yahudi sekalipun menghadapi masalah untuk bekerjasama.

"Bukan semua mereka bekerjasama. Sebahagian daripada mereka tidak bersetuju dengan Perdana Menteri Israel, Ariel Sharon. Tetapi, memanglah tidak banyak (yang tidak bersetuju dengan Sharon)," katanya, disambut dengan gelak ketawa daripada hadirin.

Sementara itu, Dr Mahathir menyarankan supaya ekspo seperti yang diadakan sempena sidang kemuncak OIC ini, dianjurkan di setiap negara Islam bagi mempertingkatkan interaksi di kalangan masyarakat perniagaan.

"Masalah kita sebenarnya ialah kita tidak kenal satu sama lain. Kita tidak tahu kemampuan satu sama lain," tegasnya.

Dr Mahathir menceritakan bagaimana beliau begitu terkejut ketika melawat astaka negara Kuwait di Ekspo OIC 2003 dan mendapati negara itu mengeluarkan kertas.

"Kuwait boleh dikatakan sebuah negara yang dipenuhi gurun. Tidak ada pokok di situ, tetapi mereka mengeluarkan kertas. Saya langsung tidak terfikir negara itu boleh mengeluarkan kertas, tetapi itulah yang mereka lakukan. Dulu saya tidak tahu, tetapi sekarang saya tahu. Sekarang, jika saya rasa nak beli kertas, barangkali Kuwait akan menjadi salah satu sumbernya," kata beliau.

Perdana Menteri berkata, mesyuarat OIC di Putrajaya bukan sahaja membincangkan soal politik atau musibah yang menimpa umat Islam, tetapi juga cuba menggalakkan interaksi di kalangan masyarakat perniagaan dari negara-negara Islam.

"Walaupun sekiranya agenda politik tidak memuaskan, namun kita harap agenda perniagaan memuaskan," katanya, disambut dengan tepukan oleh hadirin. -- BERNAMA

MAS MAM KTC KY AA